

AMALAN PERHUBUNGAN AWAM BERKESAN MENJADIKAN PENDIDIK CERMELANG

Mohd Hamdan Adnan

Pendidik adalah kerjaya yang memerlukan citra positif atau nama baik yang lestari. Ini adalah kerana mereka sentiasa menjadi model bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada masyarakatnya. Bagi memastikan imej pendidik kekal baik mereka perlu sentiasa menjaga perilaku dan tindakan supaya tidak disalah anggap yang boleh menjejaskan imej positif yang dibina dan perlu dilestarikan. Dalam dunia kini kemahiran untuk mempamerkan perwatakan teladan yang hebat serta meningkatkan perkhidmatannya kian mencabar. Maka, artikel ini menyarankan kepentingan kemahiran perhubungan awam bagi pendidik. Perhubungan awam dalam artikel ini merujuk kepada kebijaksanaan berkomunikasi interaktif dan beretika serta membina dan melestarikan reputasi yang sesuai bagi seorang pendidik. Turut dibincangkan ialah prinsip perhubungan awam, peranan perhubungan awam pendidik dan cabaran dalam mengamalkan perhubungan awam.

Kata Kunci: Imej, integriti, pendidik, perhubungan awam dan tanggungjawab sosial.

The secret of effective and popular educators is that they practice effective public relations. This paper discusses the skills and expertise today's educators must possess to become effective teachers and a good role model for their students and community members. The paper propose that educators need to brush up their public skills and expertise so that they can project and promote the correct role model for teachers. It also propose that teachers should be taught public relations so that they can become effective role models.

Keywords: Image, integrity, education, public relations and social responsibility.

Pengenalan

Setiap manusia jika boleh mahu dikenali dengan nama baik yang mampu di mapankan. Memiliki imej yang positif lagi lestari memerlukan kepekaan dan penguasaan perhubungan awam atau perhubungan raya (PR) yang cekap bagi mereka yang mahu dianggap sebagai hebat serta popular. Mereka yang terkenal, popular serta dianggap cemerlang sudah pasti memiliki peluang untuk terus berjaya berbanding dengan mereka yang tidak mempunyainya. Keperluan memiliki kepekaan dan kemahiran PR dituntut di semua peringkat masyarakat dan kerjaya atau profesion. Ini termasuk bagi pendidik.

Pendidik, sebenarnya lebih memerlukan citra murni untuk menjadi teladan atau contoh terbaik bagi pelajar mereka mahupun anggota masyarakat supaya mapan diyakini. Ahli masyarakat, istimewa ibu bapa turut mengharap supaya pendidik lestari memberi

teladan terbaik. Maka, mereka yang mahu menjadi pendidik dan pemimpin popular serta cemerlang perlu mahir dan menghayati amalan perhubungan awam yang terbaik.

Pendidik dalam artikel ini merujuk kepada sesiapa yang terlatih dan diiktiraf selaku pengajar secara formal. Iaitu, di semua peringkat, daripada tabika sehingga universiti, yang dikendalikan oleh pihak kerajaan atau swasta mahupun persendirian.

Pendidikan pula ditakrifkan sebagai usaha pengisian pengetahuan di semua peringkat usia yang turut memberangsangkan untuk memperoleh ilmu sepanjang hayat. Mengenai hal ini Socrates pernah berkata: "Education is not the filling of a vessel, but the kindling of a flame." ("Pendidikan bukannya suatu pengisian, tetapi penyemarakan sesuatu api").

Pendidikan bukannya hanya pengisian, tetapi suatu penyemarakan semangat manusia untuk terus mencari ilmu sepanjang hayat. Kebenaran ungkapan Socrates adalah jelas dalam amalan pendidikan dan PR. Dalam konteks PR, pendidik adalah penerang dan pemberangsang untuk setiap manusia mencapai potensi sebenarnya. Maka, adalah cukup jelas bahawa setiap pendidik perlu mengamalkan PR yang berkesan dan lestari demi memajukan profesionnya serta menjamin reputasi kekal positif dan cemerlang.

Ketara, PR sangat mustahak dalam masyarakat yang semakin berpaut kepada peribahasa: "Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan gading, manusia mati meninggalkan nama." Ini pula ditambah dengan pepatah: "Putih tulang dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga". Iaitu, jasa atau budi pekerti yang berfaedah akan sentiasa diingati walaupun pelaku atau pemberinya telah lama tiada lagi.

Kepentingan amalan PR yang berkesan serta beretika akan meningkat lebih jelas sekiranya dikaji watak-watak yang diakui atau diiktiraf sebagai berjaya dan cemerlang serta terbilang dalam bidang mereka dan dalam artikel ini pendidik. Lazimnya, kita akan menemui mereka memiliki kepakaran PR yang hebat serta sentiasa mengamalkan dan menghayatinya dengan berkesan dan beretika. Sebagai contoh, mereka berupaya memikat perhatian orang ramai dan khalayak-khalayak tujuannya supaya dilihat sebagai watak yang yakin, berilmu, berkebolehan, ikhlas, berintegriti, dan harus dipercayai.

Sebaliknya, pendidik yang tidak mampu melakukannya tidak selalu merasakan nikmat kejayaan dalam kehidupan malah kerap merasa terpinggir atau kurang dihargai. Keupayaan mempersembahkan diri secara semula jadi selaku pendidik yang cekap, berwibawa, disegani, berintegriti atau untuk memaparkan imej cemerlang memerlukan kemampuan PR yang hebat. Perlu ditegaskan bahawa pendidik yang cekap dan jujur, tetapi kurang upaya mengamalkan PR yang efektif, tidak ramai yang dapat menikmati kejayaan dalam profesionnya mahupun kehidupan biasanya.

Selaku pendidik, tentunya kita harus menyedari yang manusia sangat susah untuk menerima atau bertindak dengan sempurna terhadap apa jua maklumat atau ilmu mahupun idea yang dipersembahkan atau disebarkan kecuali mereka memahaminya dengan jelas. Manusia, lumrahnya mampu menikmati dan menghargai sesuatu hanya apabila memahami penyampai atau sumber serta mesejnya dengan sempurna. Ini menuntut kepakaran dan strategi perutusan atau komunikasi yang efektif dan sempurna bagi pihak pendidik. Kebolehan berkomunikasi secara efektif adalah landasan dalam amalan mapan perhubungan awam yang berimpak dan beretika mahupun bagi pendidikan.

Pentakrifan Perhubungan Raya

Sehingga hari ini masih tiada lagi suatu takrifan perhubungan awam yang diterima sempurna oleh semua pihak yang berkenaan. Perhubungan raya atau perhubungan awam lazimnya ditakrifkan mengikut sebagaimana ia di praktis atau diamalkan. Ini sebab praktis perhubungan raya atau lebih popular dikenali sebagai "PR" merangkumi pelbagai-bagai taktik,

teknik, strategi dan kegiatan. Juga, kesemuanya harus dikemaskinikan mengikut pengedaran atau perubahan zaman serta perkembangan teknologi, khasnya alat atau saluran komunikasi atau sebaran am supaya kekal efektif. Ini semuanya mengakibatkan bilangan takrifan perhubungan raya tidak terbatas khasnya dari pandangan pengamalnya.

Namun begitu, tanpa satu takrif sepakat terhadap perhubungan raya bukanlah bermakna bahawa ianya adalah satu kelemahan. Sebaliknya, ia mencerminkan cabaran profesion serta jurusan PR yang dinamik lagi menarik. Kini, profesion perhubungan raya boleh dibahagikan mengikut pengkhususannya. Contohnya, PR Komuniti, PR Kerajaan, Perhubungan Kerajaan, PR Kewangan, PR Pendidikan, PR Sukan, PR Korporat, PR Pengguna, PR Kesihatan, PR Riadah/Rekreasi, PR Antarabangsa, PR Global, dll.

Baik juga di ingatkan semula bahawa definisi PR perlu diubah mengikut zaman dan pengamalannya. Iaitu, menurut suasana dan peringkat pembangunan atau kemodenan sesuatu negara atau masyarakat tersebut.

Suatu ketika dahulu adalah wajar untuk mentakrifkan perhubungan raya selaku "membuat baik dan memberitahu orang ramai mengenainya". Definisi seperti ini mampu mengakibatkan pengamal perhubungan raya dicap: "bagaikan ayam betina bertelur sebiji tetapi heboh sekampung" atau "pukul canang sendiri" atau "angkat bakul sendiri". Sebenarnya, aktiviti seperti ini adalah lebih merupakan periklanan daripada PR.

Bagaimanapun, Pengamal PR tidak pula perlu bertindak: "seperti penyu yang banyak bertelur tetapi menyembunyikan keupayaan dan hasilnya". Dulu penyu perlu bersembunyi semasa bertelur kerana bimbang semua telurnya akan diambil oleh manusia atau dimakan oleh makhluk lain. Hari ini pula, penyu adalah haiwan terlindung sepenuhnya. Juga, mengambil telurnya atau menjualnya adalah dilarang keras dengan hukuman yang cukup berat serta termasuk boleh dipenjarakan atau kedua-duanya. Maka, pendidik harus tahu bila perlu bersuara dan masa mana untuk lebih bijak berdiam.

Hari ini dalam era persaingan semakin sengit serta ledakan maklumat yang luar biasa pengamal perhubungan awam dan pendidik perlu bijak memilih maklumat untuk disiar atau disebarkan melalui saluran paling berimpak supaya setiap khalayak mereka mendapatkan manfaat paling lumayan dan terbaik daripadanya. Pula, setiap khalayak mereka sukar dikelirukan atau ditipu oleh mereka yang berniat jahat atau tidak bertanggungjawab yang kini kian mencabar melalui pelbagai media yang termasuk media sosial.

Bijak juga ditakrifkan dua konsep penting perhubungan awam atau raya, iaitu perhubungan dan awam atau raya, sebelum dibincangkan beberapa takrifan signifikan PR. Perhubungan bermaksud komunikasi atau perantaraan. Awam diertikan sebagai orang awam atau khalayak pilihan atau khalayak sasaran. Raya merujuk kepada umum atau awam. Maka, landasan perhubungan raya ialah usaha atau kegiatan komunikasi interaktif dan beretika antara perseorangan atau sesuatu organisasi dengan khalayaknya dan sebaliknya. Juga, setiap aktiviti yang meningkatkan keterlihatan serta memurnikan citra seseorang atau organisasi mahupun negara bolehlah di cop selaku usaha PR yang baik.

Pula, seperti yang telah disebut sesiapa yang inginkan namanya terus harum perlu mengamalkan dan menghayati PR secara efektif dan mampan. Bahkan, setiap seseorang dalam sesuatu kumpulan, kerjaya atau badan harus mengamalkan PR yang berkesan secara berterusan bagi memastikan bahawa nama baik mereka terus terjamin cemerlang.

Pepatah ada mengingatkan bahawa: "Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit." Ini bermaksud bahawa dalam menjaga reputasi cemerlang atau nama baiknya setiap ahli sesebuah pertubuhan atau profesion, yang termasuk pendidikan, perlu terlibat serta bertanggungjawab untuk membela, membina dan mengekalkannya. Seterusnya, kerana manusia, ini termasuk pendidik kian dicabar oleh pelbagai pemikat yang mampu merosakkan

etika kita, maka wajib diadakan kod etika yang sesuai sebagai perisai. Jika masih tergoda dan ternoda harus adalah penguatkuasaan yang berupaya melindungi nama baik profesion pendidik.

Di sini bijak dihuraikan beberapa definisi perhubungan awam dianggap signifikan yang diutarakan oleh institusi-institusi profesional PR dalam menerangkan mengapa ia penting diamalkan dan dihayati oleh semua profesion. Institut Perhubungan Raya Antarabangsa atau lebih dikenali sebagai IPRA mentakrif praktis PR selaku berikut: "Suatu tugas pengurusan yang bersifat berterusan dan terancang yang diusahakan oleh organisasi atau institusi awam dan swasta bagi menjalin dan mengekalkan persefahaman, simpati dan sokongan daripada sesiapa sahaja yang berkaitan dengan mereka dengan menilai pendapat awam mengenai diri mereka supaya dapat menyelaraskan seberapa boleh dasar dan peraturan mereka, bagi mencapai melalui sebaran meluas maklumat yang dirancang demi mendapatkan kerjasama yang lebih berhasil serta penyelesaian yang lebih berkesan untuk kebaikan bersama."

Persidangan Antarabangsa PR yang bertempat di Bandar Mexico pada 1978 melalui Kenyataan Mexico mendefinisikan perhubungan awam selaku: "Satu seni dan sains sosial dalam mencerakin aliran, meramal akibatnya, menasihati pemimpin organisasi, dan melaksanakan program tindakan terancang yang berfaedah kepada organisasi dan kepentingan awam."

Institut Perhubungan Raya Malaysia atau singkatannya IPRM mendefinisikan perhubungan raya sebagai: "Satu usaha yang disengajakan, dirancang dan diteruskan untuk menjalin dan mengekalkan persefahaman antara sesuatu organisasi dengan khalayaknya. Takrifan IPRM memberi penekanan kepada komunikasi interaktif atau pengaliran dua hala maklumat ataupun penerangan dengan pengamal PR bertanggungjawab menyediakan saluran yang diperlukan.

Sebenarnya, definisi perhubungan raya IPRM adalah petikan daripada "British Institute of Public Relations" atau lebih dikenali dengan singkatannya BIPR. Namun begitu, BIPR telah menukarkan takrifan ini kepada: "Perhubungan awam adalah mengenai reputasi. Iaitu hasil daripada apa yang anda katakan dan apa yang dikatakan oleh orang lain mengenai diri anda. Amalan perhubungan awam adalah satu disiplin yang memandang kepada reputasi dengan tujuan mendapatkan persefahaman dan sokongan bagi mempengaruhi pandangan serta kelakuan."

Hari ini, usaha perhubungan awam kian dipandang sebagai pembina dan pelestarian nama atau citra harum bagi seseorang, kerjaya atau profesion, pertubuhan mahupun negara. Lumrahnya, ia turut melibatkan usaha atau kegiatan terancang dan berterusan mengguna komunikasi berintegrasi, berinteraksi dan berintegriti yang mengutamakan kepentingan umum dan pendapat awam. Bagaimanapun, penekanan PR hari ini adalah tertumpu kepada nama baik atau reputasi seseorang atau organisasi mahupun negara yang mampu meningkatkan kecemerlangan.

Bukannya Perhubungan Awam

Maka cukup ketara bahawa Profesional Perhubungan Raya kini bukanlah individu yang suka menunjuk-nunjuk atau mendabak dada serta menonjolkan diri sewenang-wenangnya atau mengampu. Juga, PR bukanlah seranta atau iklan, ataupun pemasaran mahupun promosi atau propaganda ataupun perang jiwa. Iklan, contohnya memajukan kehebatan kita atau angkat bakul sendiri, manakala Perhubungan Raya ialah kehandalan kita dijadikan buah mulut orang atau disebut-sebut oleh orang secara positif.

Mempersembahkan diri sendiri selaku rendah diri, penyayang, pemurah dan cepat atau senang bermesra adalah amalan wajib dalam praktis PR. Namun begitu, kita perlu jujur mengamalkannya serta menghayatinya dengan sepenuhnya. Juga, amalan PR menuntut

keikhlasan semua pihak yang terlibat untuk berbuat demikian sepanjang masa demi memapankan keberkesannya.

Di sini perlu ditegaskan bahawa PR bukanlah muslihat demi menyembunyikan kesilapan atau kecacatan. Sebenarnya, PR tidak berupaya membela atau memajukan yang buruk atau negatif. Perhubungan Raya untuk efektif dan mapan memerlukan bahawa semua yang negatif atau kurang sempurna, yang mungkar, yang cacat, diperbetulkan terlebih dahulu. Pengamal PR harus tabah dan berani menasihati pihak atasan atau majikan mahupun pelanggannya serta setiap khalayak tujuhnya supaya adil dan menghormati antara satu sama lain jika inginkan kerjasama yang lestari. Ini bererti kesemua pihak yang menyertai atau terlibat termasuk pihak atasan perlu sentiasa berhubung atau berkomunikasi secara mujarab.

Falsafah Perhubungan Awam

Untuk amalan dan profesion PR diiktiraf dan dipraktikkan ia harus berlandaskan ilmu yang terkumpul melalui pengalaman atau kajian kes serta penyelidikan saintifik. Juga, PR wajib di praktis berasaskan kepentingan awam, kemahiran, kebenaran dan beretika. Praktis perhubungan raya yang sempurna ialah dengan mengamalkan perhubungan atau perutusan dua hala atau interaktif dalam pengaliran maklumat yang tepat dan benar. Maklumat atau data harus mengalir dengan berterusan atau menurut keperluan dan semasa serta sentiasa dikemaskinikan untuk menyumbang kepada kebajikan organisasi serta kebajikan awam. Ini kerana lazimnya khalayak tuju atau pelajar yang memiliki maklumat yang mencukupi tidak mudah dipengaruhi oleh anasir subversif oleh sebab maklumat berkenaan membantunya untuk bertindak dengan lebih rasional dan bijak. Ini ada kaitannya dengan teori suntikan. Teori ini dimajukan untuk memperkasakan sikap dan kepercayaan yang sedia ada supaya tidak mudah dipengaruhi oleh maklumat bertentangan di masa depan. Ini lagi-lagi dalam dunia kini yang penuh dengan pergolakan dan kumpulan-kumpulan pengganas yang sering menyebarkan fahaman negatif serta berusaha mendapatkan pengikut melalui propaganda atau perang jiwa yang agak berkesan.

Lagi satu falsafah signifikan perhubungan raya ialah supaya sentiasa untuk bersedia berhadapan menghadapi sebarang kemungkinan. Iaitu, seperti cogan kata pergerakan pengakap "sentiasa bersedia". Maka, pengamal PR perlu memastikan bahawa organisasinya tidak "diserang hendap" oleh keadaan yang tidak diingini atau krisis. PR harus berpegang teguh kepada cogan kata "cegah lebih baik daripada rawat." Iaitu, proaktif lebih baik daripada reaktif. Pegangan ini penting jika mahu menghapuskan tanggapan bahawa PR adalah seperti khidmat bomba yang hanya dipakai apabila kecemasan tercetus. Ini memperingatkan kita kepada pepatah Melayu yang menegaskan bahawa: Sesal dahulu pendapatan. Sesal kemudian tiada gunanya. Dalam hal ini, yang pentingnya ialah menyesal dengan ikhlasnya jika kita telah membuat kesalahan atau tindakan yang merugikan ataupun mencemar nama baik kita. Ini supaya usaha yang berkesan dapat dibuat segera untuk memperbaiki keadaan yang negatif sambil bertindak secara efektif demi membina dan melestarikan nama baik kita.

Lagi satu falsafah PR ialah kita harus melibatkan setiap aspek organisasi demi membentuk dan melestarikan gambaran murni sesuatu organisasi atau profesion. Ini termasuklah: pengurusan yang adil dan cekap; dasar organisasi yang menjamin kepentingan awam; para pekerja yang berpuas hati, khalayak luaran yang mendapat faedah sewajarnya dan sebagainya.

Perhubungan Raya yang berkesan adalah tanggungjawab semua. Pengamal PR perlu bertindak selaku penasihat, pelaksana serta perancang program PR dan komunikasi. Pengamal PR yang dapat terlibat setiap ahli organisasi serta khalayak-khalayak tujuhnya akan pasti berjaya

dalam kerjayanya. Pendidik yang berupaya melibatkan penyertaan para pelajarnya serta semua pihak yang berkenaan sudah pasti akan berkesan dan berjaya dalam kerjanya.

Prinsip Pengamal Perhubungan Raya Dan Pendidik

Berasaskan falsafah PR, maka berikut dikemukakan beberapa prinsipnya:

1. PR berurus dalam hakikat kebenaran dan keadilan. Pendidik juga harus bertugas dalam hakikat kebenaran dan keadilan.
2. PR mengutamakan perkhidmatan untuk kepentingan awam, kemudian organisasinya, dan selepas itu barulah kepentingan diri. Pendidik turut dituntut untuk berkhidmat demi kepentingan awam, kemudian pertubuhannya dan kemudian kepentingan sendirinya.
3. PR menghormati hak-hak media dan kebebasan bersuara serta bertindak mencegah apa jua aktiviti yang mencemarkan kredibilitinya. Pendidik juga perlu menghormati hak media dan kebebasan bersuara serta menjauhi sebarang kegiatan yang boleh merosakkan kesahihannya. Kebebasan bersuara wajib dipertahankan oleh semua pihak.
4. PR memastikan perhubungan terbaik dan beretika di antara pengamalnya bersama wartawan atau wakil media massa. Pendidik harus mengadakan perhubungan yang terbaik dan beretika dengan semua pihak yang termasuk pihak media.
5. PR harus bersungguh-sungguh berusaha untuk melandasi setiap perancangan dan tindakannya berasaskan penyelidikan holistik. Pendidik juga perlu berasaskan tindakan dan ajarannya dengan kajian yang menyeluruh dan benar.
6. PR berikhtiar memastikan penyelesaian teradil dan memuaskan bagi semua pihak yang terlibat. Tindakan ini juga harus dilakukan oleh pendidik.
7. PR harus mampu memberi nasihat yang tulus dan lurus demi kepentingan awam walaupun mungkin mengancam kedudukannya. Pendidik juga bertanggungjawab untuk membuat tindakan yang sama demi kepentingan awam dan para pelajarnya.
8. PR dinilai pencapaiannya bukan sahaja dari hasilnya tetapi juga daripada etika servisnya. Maka, tidak hairanlah PR sering diberi pengertian "Pencapaian = Reputasi". Iaitu, pencapaian terbaik pasti membentuk imej yang murni dan positif. Pencapaian kurang sempurna atau cacat sudah tentunya mencetuskan gambaran yang negatif. Pendidik juga akan dinilai pencapaiannya melalui reputasinya serta mutu para pelajar didikannya.

Tugas Perhubungan Raya

Berasaskan takrif, falsafah dan prinsip perhubungan raya, maka bolehlah diandaikan bahawa tugas utama pengamal PR adalah mengguna pakai perutusan atau komunikasi dan perhubungan tercekap lagi jujur dan telus untuk menyelesaikan masalah mahupun isu yang dihadapi dengan setiap khalayak berkenaan dan menjalin, memupuk persefahaman serta muhibah dengan mereka. Kepakaran berkomunikasi pendidik akan menentukan keberkesan dalam menjayakan kerjayanya dan memberi yang terbaik kepada para pelajarnya.

Pengamal PR lazimnya diberi tanggungjawab bagi membentuk, meningkat serta memampkan imej yang sesuai dan menguntungkan majikan atau organisasinya. Pendidik juga perlu berusaha memastikan reputasi dirinya, organisasinya dan para pelajarnya adalah cemerlang.

Resminya, PR berhadapan dengan empat suasana atau keadaan negatif yang harus diperbaiki ataupun disempurnakan. Iaitu: "kejahilan, apati, prasangka dan permusuhan".

Dalam suasana negatif ini, tugas harus PR ialah untuk mengubah keadaan kepada yang lebih positif atau memberangsangkan. Pendidik juga ada tanggungjawab yang sama.

Dalam keadaan yang negatif, tugas perlu PR bolehlah diterangkan seperti berikut:

Suasana

Kejahilan >>>>>>
Apati >>>>>>
Prasangka >>>>>>
Kabur >>>>>>
Permusuhan >>>>>>

Penghasilan PR

Berpengalaman/Berpengetahuan/Berilmu/Pencerahan
Berminat/Sensitif /Berperasaan/Bertindak/Simpat
Toleransi/Penerimaan/Keadilan/Persefahaman
Kejelasan/Ketentuan/Keterangan
Muhibah/Kemesraan/Sokongan/Keintiman

Adalah tanggungjawab utama pendidik untuk memastikan bahawa pelajarinya berminat, berilmu, bertoleransi, memahami dan apa jua sikap yang positif atau murni. Dalam hal ini peranan pengamal PR dan pendidik adalah sama. Resminya, khalayak atau masyarakat kurang ilmu atau jahil mudah menjadi mangsa pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini sering mencetuskan sikap apati atau tidak peduli, prasangka dan kadangkala permusuhan di antara kedua-dua pihak yang berkenaan. Oleh itu, tugas penting atau utama pengamal PR dan pendidik ialah untuk memastikan bahawa semua khalayak sasarannya atau pelajar mempunyai keterangan atau maklumat mahupun ilmu yang terkini serta mencukupi mengenai majikan atau organisasinya ataupun negara. Ini boleh dijayakan dengan merancang dan melaksanakan pelbagai acara pendidikan dan komunikasi yang menaikkan kenampakkan dan reputasi majikan atau organisasinya. Bagi pendidik semua yang dibuat adalah untuk pelajarinya, sekolahnya dan negara.

Peranan Perhubungan Raya

Berlandaskan takrif dan tugas perhubungan awam, peranan pengamal PR adalah seperti berikut:

1. Menentukan imej yang secukupnya bagi organisasinya.
2. Menentukan paras peringkat keterlihatan organisasinya yang sesuai.
3. Membentuk dan memampakan citra atau imej yang padan dengan organisasinya.
4. Memantau pendapat awam yang berkenaan organisasinya, menganalisis impaknya dan menasihati pihak pengurusan mengenai tindakan yang perlu diambil untuk memampakan kemurnian citra organisasi.
5. Menasihati pihak pengurusan mengenai penggunaan media massa atau komunikasi serta strategi dan tekniknya.
6. Mengurus setiap kegiatan komunikasi organisasinya.
7. Mengendalikan pusat penerangan dan aduan organisasinya.
8. Menerangkan kepada setiap khalayak tuju dan masyarakat umum mengenai semua dasar, kegiatan, personaliti, projek, barang atau perkhidmatan organisasi yang berkaitan dengan kepentingan awam.

Juga, disyorkan adalah empat peranan utama perhubungan raya. Iaitu: (1) Preskriber Pakar, (2) Juruteknik Komunikasi, (3) Pemudah Komunikasi, dan (4) Pemudah Proses Penyelesaian Masalah. Peranan pendidik sebenarnya melibatkan empat peranan utama bagi pengamal PR.

- (1) Pihak pengurusan memberinya tanggungjawab untuk mengendalikan segala masalah PR untuk diselesaikannya. Dialah yang menentukan masalah PR, membentuk program PR dan melaksanannya. Bagaimanapun, peranan ini akan mengakibatkan amalan PR tertumpu kepada seorang individu atau kepada suatu bahagian sahaja. Ini boleh menjejaskan penglibatan menyeluruh ahli-ahli di dalam organisasi itu.

- (2) Pengamal PR dilantik berdasarkan pada pengalaman komunikasi atau kemahiran menulis. Tumpuan pengamal sedemikian pasti lebih kepada keperluan komunikasi organisasi. Sebilangan besar masanya akan digunakan untuk menyediakan bahan media. Ini pasti menimbulkan batasan dalam amalan PRnya.
- (3) Pengamal PR menggunakan sebahagian besar masanya untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan komunikasi bagi organisasinya. Dia bertanggung-jawab untuk menentukan bahawa komunikasi dua hala sentiasa mengalir dalam organisasinya. Dia lebih minat bertindak sebagai perantara. Masalah peranan ini ialah dia mungkin tidak dapat melihat masalah PR organisasinya secara menyeluruh.
- (4) Pengamal PR turut bekerjasama dengan pengurus-pengurus di organisasinya untuk menentukan masalah-masalah serta mencari jalan untuk menyelesaikannya. Dia menjadi sebahagian daripada pihak pengurusan dan menggunakan amalan PR sebagai proses untuk menyelesaikan masalah-masalah lain dalam organisasi itu.

Keempat-empat peranan PR tadi tidak semestinya terasing atau bersaing, Malah, ia sering bertindih atau sokong-menyokong. Bagaimanapun, untuk berjaya dalam profesinya, pengamal PR perlu peka terhadap keempat-empat peranan itu. Ini kerana pengamal PR perlu mampu mengubahsuai peranannya menurut keperluan semasa.

Peranan Perhubungan Awam Bagi Pendidik

1. Pendidik perlu memainkan peranan yang penting untuk memastikan masyarakat kini benar-benar mencintai ilmu dan memberangsangkan mereka mengamalkan pendidikan sepanjang hayat. Ini boleh dibuat dengan mereka sendiri menjadi model terbaik. Iaitu, dengan mengamalkan dan menghayati apa yang mereka sebagai pendidik sentiasa memperkatakan. Pendek kata, apa pendidik kata ia kotakan. Bukannya, cakap tidak seperti bikin.
2. Pendidik perlu menggerakkan peranan tanggung-jawab sosial profesion dan institusinya. Pengamalan tanggungjawab sosial adalah wajib bagi setiap profesion dan institusi. Malah, Kerajaan hari ini memberi galakkan cukai bagi mereka yang mengamalkan tanggungjawab sosial.
3. Pendidik harus sentiasa peka dan memantau pendapat umum sebagaimana ia berkaitan dengan profesion dan institusinya. Ia perlu memastikan bahawa pendapat umum sentiasa berpihak dengan profesion dan institusinya.
4. Pendidik perlu sentiasa berusaha mewujudkan perhubungan baik dan perasaan muhibah di antara profesion dan institusinya dengan masyarakat sekitarnya. Perhubungan masyarakat perlu dipertingkatkan bagi mendapatkan sokongan masyarakat terhadap pendidik dan institusinya.
5. Pendidik perlu meningkatkan hubungan dengan pihak pengurusan dengan semua peringkat ahlinya. Ini bagi memudahkan hubungan dengan pihak pengurusan dan para pendidik. Lazimnya, hubungan yang baik akan memudahkan pengurusan.
6. Pendidik perlu meningkatkan hubungan dengan pihak kerajaan. Iaitu, mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada para pemimpin kerajaan serta agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.
7. Pendidik perlu meningkatkan hubungan dengan para pelajar. Ini kerana para pelajar kini lebih terdedah kepada pelbagai unsur termasuk maklumat daripada Internet dan memerlukan lebih bimbingan supaya tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir negatif.

8. Pendidik perlu memahirkan diri menggunakan semua saluran komunikasi kini. Ini termasuk blog. Mungkin setiap pendidik digalakkan mengadakan blog atau Facebook ataupun apa jua program media sosial bagi membantu khalayak-khalayaknya, istimewanya untuk para pelajar mudah menghubunginya.
9. Pendidik perlu mahir dalam perhubungan media bagi memastikan profesion dan institusinya sentiasa diberi liputan yang wajar dan positif.
10. Pendidik perlu mampu berkhidmat di peringkat global. Ini cukup penting di dalam dunia yang kian pesat bersifat global. Ini bagi memastikan bahawa pendidik Malaysia tidak dilihat seperti: Katak di bawah tempurung. Juga, bagi menentukan bahawa pendidik memiliki jaringan pendidik di peringkat global bagi memastikan bahawa pendidik Malaysia bersifat global.

Cabaran Perhubungan Awam Untuk Pendidik

Sebagai pendidik, kita harus peka kepada cabaran perhubungan awam kini yang kian mencabar. Faktor-faktornya termasuklah:

1. Peningkatan pembandaran. Ini bermakna pendidik harus mampu untuk memastikan bahawa para pelajarnya mampu untuk menghadapi sebarang cabaran perubahan yang lebih pesat berbanding dengan di desa. Pendidik mesti menjadi model yang baik diteladani selaku berupaya menghadapi sebarang perubahan yang dibawa oleh peningkatan pembandaran.
2. Kian ramai penduduk bermastautin di bandar, semakin meningkat keperluan untuk mengadakan sistem perhubungan yang lebih canggih. Ini bagi memastikan amalan PR yang lebih berkesan untuk menemui warga kota dan badan-badan sivil yang akan menuntut penyertaan yang giat di dalam pembuatan keputusan. Pendidik memudahkan diri mereka untuk didampingi untuk mendapatkan maklumat yang sesuai sempena menghadapi perubahan yang pesat.
3. Peningkatan kepelbagaian dalam masyarakat. Pendidik berupaya menyediakan para pelajarnya demi menghadapi peningkatan kepelbagaian dalam masyarakat kini. Iaitu para pelajar mampu meraikan kepelbagaian yang kian meningkat dalam masyarakat semasa dunia semakin menjadi desa sejagat akibat teknologi komunikasi yang pesat berkembang. Pendidik seperti pengamal PR berperanan penting dalam menghasilkan komunikasi berkesan dengan masyarakat tanpa mengira kaum, agama, kelas, dll. Iaitu, pendidik menjadi perantara yang berkesan di kalangan semua peringkat dan kaum di Malaysia seperti pengamal PR perlu menjadi jambatan di antara organisasinya dengan khalayak-khalayaknya.
4. Peningkatan perpindahan dan pergerakan. Di Malaysia, khususnya di Sarawak dan Sabah peningkatan dan pergerakan masyarakat dari desa ke bandar kian berkembang pesat. Untuk mendapat kerja dan naik pangkat para graduan sekolah perlu berpindah randah. Maka, pendidik harus menyediakan para pelajarnya untuk berupaya menghadapi masalah peningkatan dan pergerakan bukan sahaja dari desa ke bandar tetapi di mana sahaja yang diperlukan. Pendidik selaku pembimbing kerjaya perlu memberi maklumat sesuai dan terkini mengenai hal ini. Pengamal PR turut memainkan peranan yang sama.
5. Berpindah randah sering menggambarkan perubahan pesat komposisi penduduk di sesebuah tempat pada masa yang tertentu. Maka, cukup perlu bagi pendidik untuk memberikan penerangan kepada mereka supaya tidak ketinggalan zaman dan menjadi mudah untuk dipengaruhi. Peranan ini memang dikongsi oleh pendidik dan pengamal PR.

6. Peningkatan kehendak masyarakat. Melalui media massa dan pendedahan dari pelbagai punca lain sudah pasti meningkatkan keperluan dan kehendak ahli masyarakat kini. Adalah tanggungjawab pendidik dan pengamal PR untuk memastikan bahawa tahap kehendak masyarakat kini tidak keterlaluan supaya mereka tidak mudah menjadi mangsa mereka yang mengambil kesempatan daripadanya.
7. Harapan rakyat kepada setiap perkhidmatan termasuk pendidikan kian meningkat. Ini bukan sahaja kepada peningkatan perkhidmatannya tetapi juga kepada mutunya. Ini kerana masyarakat kini kian berpendidikan tinggi dan terdedah kepada berbagai maklumat, dalam dan luar negara. Pendidik dan pengamal PR harus membantu pihak berkuasa bagi meningkatkan mutu perkhidmatan sama ada di pihak kerajaan atau swasta. Pendidik harus mendidik para pelajarnya supaya sentiasa memberi yang terbaik sambil mengharap yang sama daripada pihak lain yang termasuk dalam mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan.
8. Peningkatan penelitian masyarakat. Ahli masyarakat kini kian cerewet dan mengharapkan yang terbaik. Pendidik seperti pengamal PR perlu sentiasa adakan kempen-kempen untuk memastikan semua pembekal perkhidmatan memberi terbaik. Ini termasuk menyediakan saluran memberi maklum-balas dan pusat-pusat aduan.
9. Masyarakat kini kian peka terhadap kecurangan, kecuaiian dan keborosan. Maka tidak hairan bila wujud badan khas untuk memantau penyalahgunaan kuasa bukan sahaja daripada kerajaan tetapi juga kumpulan kepentingan awam. Pendidik dan pengamal PR harus bergiat dalam usaha-usaha membendung kecurangan, kecuaiian dan keborosan. Penglibatan aktif pendidik sudah pasti menjadi contoh yang baik bagi bukan sahaja kepada para pelajar tetapi juga kepada masyarakat yang dianggotainya.
10. Peningkatan pendedahan. Kini setiap hari pihak media massa menyebarkan berita-berita yang mendedahkan pelbagai bentuk kemungkaran dan jumlahnya kian meningkat. Ini sudah tentu memberi gambaran yang sangat negatif kepada pihak berkuasa atau kerajaan. Peranan pendidik dan pengamal PR bertanggungjawab untuk mengurangkan krisis kemungkaran dan menempatkannya dalam konteks sebenarnya. Kedua-dua pihak harus bekerjasama untuk mengadakan pelbagai kempen untuk mengurangkan kegiatan kemungkaran seperti rasuah, pecah amanah, pembaziran, kecuaiian, dll.
11. Dengan sistem komunikasi kian maju rakyat lebih terdedah bukan sahaja kepada persekitaran mereka tetapi di tahap sejagat. Akibatnya, rakyat suka membuat perbandingan. Peranan pendidik seperti pengamal PR di sini ialah membuka minda para pelajar supaya tidak "seperti katak di bawah tempurung". Bahan-bahan bacaan seharusnya yang bersifat semesta atau global supaya pelajar dapat dengan mudah beralih daripada dunia persekolahan ke dunia pekerjaan yang memang kian berperingkat sejagat. Kaedah pengajaran pendidik juga perlu melibatkan teknologi komunikasi baru seperti media sosial dan menumpu kepada pelajar dan bukan kepada pendidik sahaja. Para pelajar untuk tugas juga ditugaskan mencari maklumat menggunakan Internet.
12. Peningkatan globalisasi. Dalam dunia yang kian sejagat pendidik dan pengamal PR harus mendedahkan para pelajar kepada realiti hari ini. Pendidik seperti pengamal PR perlu memastikan rakyat mahupun para pelajar mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa. Juga, rakyat berani bersuara kerana benar dan tidak merasa rendah diri apabila berkomunikasi di peringkat antarabangsa.
13. Pendapat dunia kini kian kemelut dan berpengaruh. Ini akan membuat rakyat memerlukan maklumat bagi mengupayakan mereka menikmati perubahan tersebut supaya tidak ketinggalan zaman atau kerugian ataupun mudah dipengaruhi anasir

- negatif antarabangsa. Pendidik seperti pengamal PR perlu menyedia dan membekal maklumat-maklumat yang sesuai bagi memastikan masyarakat Malaysia tidak terpengaruh dengan propaganda asing.
14. Peningkatan persaingan. Dunia kini kian bersaing dari serba serbi. Pendidik seperti pengamal PR harus memastikan bahawa daya saing rakyat Malaysia diperkasakan. Ini dengan memastikan bahan pelajaran adalah relevan untuk dunia kini dan rakyat dilatih dari peringkat terendah untuk sentiasa selesa apabila bersaing di apa jua peringkat, sama ada di peringkat sekolah sehinggalah ditahap dunia.
 15. Peningkatan ketelusan. Di sini ketelusan ditakrifkan sebagai amalan berterus-terang dengan setiap tindakan dibuat secara terbuka berserta rundingan serta tiada sebarang kerahsiaan pihak berkuasa. Semua pihak kini dituntut supaya lebih telus. Ini termasuk daripada pihak pendidik. Maka, pendidik perlu meningkatkan komunikasinya dan mengamalkan PR yang terbaik bagi meningkatkan ketelusan. Sebaik-baiknya setiap dasar atau keputusan dibuat secara terbuka dan perundingan bagi meningkatkan ketelusan.
 16. Peningkatan pengkhususan. Dunia kini di samping pesat bersifat global turut kian mengkhusus. Maka, pendidik berperanan bagi memastikan ia menjadi jambatan atau perantara di antara khalayak-khalayaknya. Satu kemahiran utama perhubungan awam adalah untuk menjadi perantara yang berkesan di antara organisasi atau majikannya dengan orang ramai mahupun khalayak-khalayak tujuannya. Iaitu, membantu mereka untuk berhubung dengan lebih berkesan dan menghindarkan sebarang konflik.
 17. Negara-negara kini kian bersifat demokratik. Kini, negara yang bukan demokratik atau yang bersifat kuku besi akan sentiasa dikecam oleh kuasa-kuasa besar yang mengamalkan sistem demokrasi. Di sini demokrasi ditakrifkan sebagai pemerintahan melalui wakil rakyat yang dipilih oleh warganegara dalam pilihan raya lazimnya dalam tempoh empat ke lima tahun sekali. Peranan pengamal PR kerajaan resminya ialah untuk meningkatkan komunikasi yang mapan, interaktif dan beretika bagi mendapatkan sokongan dan kefahaman rakyat. Pendidik juga perlu memainkan peranan untuk memastikan demokrasi berjalan lancar dengan memastikan rakyat membuat pilihan yang tepat semasa pilihanraya. Pihak pengamal PR bersama pendidik harus memastikan rakyat tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat dan sentiasa terlibat dalam urusan negara seperti pemilihan wakil rakyat, pembuatan dasar, pelaksanaan projek, dll.

Saranan

Adalah jelas bahawa PR memainkan peranan yang penting dalam menjamin kesejahteraan dan kemakmuran sesuatu profesion atau institusi mahupun negara. Maka, wajarlah bahawa pengamalannya diberi kedudukan yang baik di dalam sesuatu organisasi. Pula, ini bermakna setiap pengamalannya perlu memiliki kemahiran perhubungan awam yang tinggi. Ini terutamanya dalam profesion seperti pendidik yang sentiasa memerlukan integriti dan reputasi yang sepositifnya.

Banyak kajian menunjukkan bahawa keberkesanan pengamal PR ada kaitannya dengan kedudukan yang diberi kepadanya. Maka, adalah penting pengamal PR diberi taraf yang munasabah untuk membolehkannya memikul tanggungjawab dengan lebih berkesan. Ini serupa juga bagi pendidik yang perlu diberi peranan yang lebih bertanggungjawab bukan sahaja di sekolah tetapi juga dalam masyarakatnya.

Pendidik pula hara berupaya untuk menjadi jurucakap para pelajarnya serta bagi pihak para guru sendiri dan apa juga institusi yang ia mewakili.

Juga, banyak kajian membuktikan bahawa untuk berkesan, pengamal PR perlu diterima sebagai sebahagian daripada pihak pengurusan tertinggi. Tanpa taraf dan penerimaan yang tinggi adalah sukar bagi pengamal PR untuk menjalankan tugasnya dengan sempurna.

Amalan PR yang berkesan ialah di mana setiap ahli dalam organisasi menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengamal PR institusinya. Adalah penting bagi pendidik untuk memastikan bahawa setiap ahlinya menjalankan tanggungjawab PR mereka dengan baik. Ini bererti bahawa para pendidik harus dilatih sebaiknya mengenai amalan perhubungan awam. Jika boleh kemahiran PR ini perlu dikemaskinikan supaya ia tidak ketinggalan zaman.

Akhir kata perlu diingatkan bahawa profesion dan institusi semuanya memerlukan amalan PR yang terbaik. Keperluan in cukup jelas di dalam profesion pendidik. Dengan amalan PR yang berkesan kerjaya pendidik akan kian harum. Institusi atau profesion yang mengabaikan PR tidak akan ke mana-mana malah akan bantut dan mungkin mati.

Rujukan

- Brooks, Douglas M. (1985). "The Teacher's Communicative Competence: The First Day of School." *Theory Into Practice* 24 (1): 63.
- Hamdan Adnan, 1985. PR Di Malaysia. Kuala Lumpur: Nuren Enterprise.
- Hamdan Adnan, 1987. Prinsip Perhubungan Awam. Shah Alam: Biroteks ITM.
- Hamdan Adnan & Hafied Cangara, 1996. Prinsip Prinsip Hubungan Masyarakat. Surabaya: Usaha Nasional.
- Jacob Shamir/Michal Shamir, 2000. *The Anatomy of Public Opinion*, Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Kunczik, M., 1984. *Communication and Social Change*. Bonn: FES.
- Kunczik, M., 1990. *Images of Nations and International Public Relations*. Bonn: FES.
- Lane, Robert, 1963. *Public Opinion and Ideology*. New York: Prentice Hall.
- Lowell, Abbot L., 1921. *Public Opinion and Popular Government*. New York: Longsmann.
- McQuail, Denis (2010). *Mass communication theory: an introduction*. London: Sage Publications.
- Mohd Hamdan Haji Adnan. 2004. *Government Public Relations: Persuasion, Personality and Power*. Kajang: APRA.
- Mohd Hamdan Adnan, 1995. *Pendapat Umum*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Hamdan Haji Adnan, 1988. *Konsep Asas Perhubungan Awam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Hamdan Adnan, 1993. *Teknik Perhubungan Awam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Hamdan Adnan, 2008a. *Perkembangan Perhubungan Awam Kerajaan dan Politik Malaysia*. Shah Alam: UPENA, UiTM.
- Mohd Hamdan Adnan, 2008b. *Pengamalan Perhubungan Awam Kerajaan dan Politik Malaysia*. Shah Alam: UPENA, UiTM.
- Mohd Hamdan Adnan, 2010. *Government & Political Public Relations An Introduction*. Shah Alam: UPENA, UiTM.
- Mohd Hamdan Adnan, 2012. *Communication, Media and Public Relations Terminologies English to Malay Istilah Komunikasi, Media dan Perhubungan Awam Inggeris Ke Bahasa Malaysia*. Shah Alam: UPENA: UiTM.
- Mohd Hamdan Adnan, 2012. *A Dictionary For Communication and Public Relations Practice*. Shah Alam: UPENA, UiTM.

Mohd Hamdan Haji Adnan, 2012. Kamus Media, Komunikasi Dan Perhubungan Raya. Shah Alam: UPENA, UiTM.